

Program Kembara Merdeka 2019 pupuk semangat patriotisme, galak kempen membaca bersama pelajar sekolah

[SADA NUR-'AQYLAH, UMS](#) Jumaat | 30 Ogos 2019



MEMBAKUT - Seramai 13 orang ahli Persatuan Pustakawan Kumpulan Sabah (PPMKS), 48 orang ahli Kelab Rakan Pustaka Politeknik Kota Kinabalu dan lapan orang ahli Kelab Rakan Pustaka Universiti Malaysia Sabah (UMS) terlibat dalam menjayakan sebuah program tahunan, Program Kembara Merdeka anjuran Persatuan Pustakawan Kumpulan Sabah (PPMKS) dengan kerjasama Kelab Rakan Pustaka Politeknik Kota Kinabalu, Kelab Rakan Pustaka Universiti Malaysia Sabah (UMS), Perpustakaan Negeri Sabah (PNS), Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Yayasan Sabah (YS) dan University College Sabah Foundation (UCFS).

Program ini melibatkan penumpang-penumpang di dalam kereta api secara rawak untuk salah satu aktiviti iaitu Kuiz Kemerdekaan yang dijalankan sepanjang perjalanan dari stesen kereta api Tanjung Aru hingga ke stesen kereta api Membakut. Setelah tiba ke destinasi, mereka berarak ke Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Membakut bersama 50 ahli Kelab Pemilik Basikal Retro Membakut (KROM) bersama ADUN Membakut, Datuk Mohd Arifin Arif yang merasmikan program tersebut.



Ahli Kelab Pemilik Basikal Retro Membakut (KROM) bersedia di hadapan stesen keretapi Membakut untuk perarakan bersama ke Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Membakut.

Secara keseluruhannya, program yang berlangsung pada 24-25 Ogos 2019 di Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Membakut ini telah diraikan bersama lebih 100 jumlah peserta masyarakat terdiri daripada murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah sekitar daerah Membakut.

Objektif utamanya adalah bagi memupuk semangat patriotisme dalam masyarakat tidak kira kaum di samping lapan aktiviti 'Kempen Galakan Membaca' bersama murid-murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah terutamanya SMK Membakut dijalankan untuk mengasah bakat pelajar sekolah rendah sekitar Membakut iaitu dalam aktiviti mewarna, menambah ilmu pengetahuan dalam Bahasa Inggeris iaitu 'Spelling

Bee' dan Pertandingan Membaca serta belajar menjaga alam sekitar melalui inovasi mereka menggunakan botol-botol plastik.



Salah satu aktiviti di Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Membakut iaitu Mewarna sempena 'Kempen Galakan Membaca'.

Kesemua aktiviti tersebut dijalankan serentak oleh mahasiswa KRP POLIKK, KRP UMS dan ahli PPMKS di Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Membakut.

Dalam ucapan perasmian oleh ADUN Membakut, Datuk Mohd Arifin Arif, beliau menyarankan agar program ini terus dijalankan agar semangat patriotisme ini diasah sejak kecil agar tidak hilang rasa cinta kepada negara dan pada masa yang sama sebagai bentuk terima kasih kepada pejuang-pejuang atas pengorbanan mereka untuk mencapai kemerdekaan Malaysia.



Kelab Rakan Pustaka UMS bersama kemua ahli Persatuan Pustakawan Kumpulan Sabah (PPMKS), Kelab Rakan Pustaka Politeknik KK di stesen keretapi Tg. Aru.

Pengerusi Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sabah, Dg Salwah Pg Abd Razak turut berharap agar lebih ramai lagi kolaborasi antara kelab-kelab pustaka seperti KRP UMS dalam aktiviti-aktiviti Kemerdekaan tahunan ini untuk masa hadapan nanti.

Perpustakaan SMK Membakut turut dilawati oleh KRP POLIKK, KRP UMS dan PPMKS dan aktiviti penyerahan buku sumbangan sebanyak dua kotak buku berisi lebih kurang 50 buah buku setiap kotak kepada Perpustakaan SMK Membakut oleh Mentor KRP UMS, Noor Aini Bohari wakil PPMKS, Kamil sebagai penutupan aktiviti.



Simbolik penyerahan buku sumbangan untuk projek 'Books With Love' daripada Cik Noor Aini Bohari, Mentor Kelab Rakan Pustaka UMS (kanan) kepada wakil guru pustakawan Perpustakaan SMK Membakut.

Buku-buku sumbangan ini juga adalah merupakan projek sumbangan buku oleh KRP UMS iaitu projek "Books With Love" kepada perpustakaan-perpustakaan dan tempat-tempat pedalaman yang memerlukan.